

KEPRIHATINAN MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI MALAYSIA TERHADAP PRINSIP RUKUN NEGARA SEBAGAI MEDIUM INTEGRASI: SATU TINJAUAN AWAL

The Concerns of Students of Higher Learning Institutions (HLI) in Malaysia on the Principles of Rukun Negara as a Medium of Integration: A Preliminary Review

Ayu Nor Azilah Mohamad

ayunorazilah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohamed Ali bin Haniffa

m.ali@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia

Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir

adibakmal@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Ini berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air, prinsip-prinsip Rukun Negara sentiasa dijunjung. Artikel ini membincangkan tentang keprihatinan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap Prinsip Rukun Negara sebagai medium integrasi. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap literasi terhadap inti pati Rukun Negara, mengkaji tahap kesedaran tentang peranan Rukun Negara dan menganalisis keprihatinan para pelajar di IPT dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi campuran iaitu pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif. Seramai 242 orang responden terlibat yang terdiri daripada mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dijadikan sampel kajian awal. Data ini merupakan dapatan kajian rintis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keprihatinan mahasiswa di IPT berada pada tahap interpretasi min sangat tinggi iaitu dengan min 4.29. Ini menjelaskan bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Kata kunci: Keprihatinan, mahasiswa, IPT, integrasi, Rukun Negara

Abstract

Rukun Negara was declared on 31 August 1970 in conjunction with the 13th anniversary of Malaysia's independence. The main purpose of Rukun Negara is to form a strong unity among Malaysians. This is due to the May 13th, 1969 incident which weakened the unity between the races in Malaysia. As a patriotic Malaysian, the principles of Rukun Negara

should always be upheld. This article discusses the concern of students of Higher Learning Institutions (IPT) in Malaysia towards the Rukun Negara Principles as a medium of integration. The objective of the study is to identify the level of literacy on the fundamentals of Rukun Negara, the level of awareness of the role of Rukun Negara and to analyse the concerns of students in IPT in ensuring the principles of Rukun Negara remain relevant as a medium of nation building in Malaysia. This study uses a mixed methodology of quantitative and qualitative data collection. A total of 242 respondents consisting of students of Higher Learning Institutions in Malaysia were sampled for the initial study. These data are the findings of a pilot study. The findings of the study show that the concern of students in HLI is at a very high level of mean interpretation with a mean of 4.29. This explains that the Rukun Negara principles are the key to instill harmony and unity for the success and stability of Malaysia.

Keywords: Concerns, students, IPT, integration, Pillars of the State

1.0 PENDAHULUAN

Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air, prinsip-prinsip Rukun Negara sentiasa kita junjung. Sejak di bangku sekolah lagi, kita diperkenalkan dengan lima prinsip Rukun Negara yang tidak pernah lekang di ingatan kita. Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusahaannya bukan sahaja sentiasa disebut, malah telah sebatи dalam jiwa sanubari kita. Kelima-lima prinsip ini tercatat di buku-buku latihan, di papan tanda, di dinding sekolah dan di tempat-tempat lain yang mudah untuk dibaca. Ertinya, setiap seorang daripada kita yang bergelar rakyat Malaysia semestinya mengetahui dan mengingati kelima-lima prinsip ini. Malah yang lebih penting ialah prinsip-prinsip inilah yang memberi makna yang amat mendalam kepada diri kita sebagai rakyat Malaysia. Kita berasa bangga menjadi warganegara Malaysia walau apapun kaum, agama dan warna kulit kita kerana kita mempunyai jati diri yang sebahagiannya dibentuk oleh prinsip Rukun Negara. Kelima-lima prinsip ini menjadi asas identiti diri dan penyatuan kita sebagai bangsa Malaysia.

2.0 PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 telah menjadi pegangan, panduan dan amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah pemupukan, pengukuhan semangat perpaduan, ketaatan, kecintaan kepada bangsa dan negara. Inti pati ikrar rakyat Malaysia terhadap Rukun Negara ialah;

Bahwasanya negara kita Malaysia
Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan
yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
Membina satu masyarakat progresif yang akan
menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, Rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluruhan Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-Undang
- Kesopanan dan Kesusahaaman (Rukun Negara, 2020:2)

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini menggunakan dapatan kajian rintis. Terdapat tiga objektif kajian iaitu, pertama untuk mengenalpasti tahap literasi para pelajar di IPT terhadap intipati Rukun Negara sebagai medium integrasi di Malaysia. Objektif kajian kedua ialah untuk mengkaji tahap kesedaran para pelajar IPT tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Objektif kajian ketiga ialah menganalisis keprihatinan para pelajar di IPT dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia.

4.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan Rukun Negara. Abdul Rahman Abdul Aziz (2010) menghuraikan tentang peranan Rukun Negara dalam memperkuuhkan ketahanan negara. Keharmonian dan kerukunan hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia merupakan tunjang kepada kestabilan dan kekuatan negara.

Selain itu, Siti Norayu Mohd Basir et.al (2014) membuat kajian tentang persepsi pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran subjek Hubungan Etnik dan kajian kes di Universiti Malaysia Perlis. Hasil kajian ternyata subjek Hubungan Etnik merupakan subjek penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi di antara satu sama lain.

Kajian Lee Yok Fee dan Sarjit S. Gill (2008) berkaitan tentang Rukun Negara sebagai satu ideologi yang bersepada perlu diberikan perhatian. Penulis mengesyorkan agar prinsip Rukun Negara perlu disemai dalam pemikiran rakyat Malaysia malah Rukun Negara menjadi amalan dalam kehidupan harian. Untuk itu, pembinaan modal insan seharusnya berteraskan kepada prinsip Rukun Negara.

Terdapat beberapa lagi penulisan yang boleh dijadikan sebagai sumber pembacaan mengenai Rukun Negara. Antaranya ialah bab dalam buku tulisan Ayu Nor Azilah Mohamad et.al, (2014) yang bertajuk *Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia* dalam Membina Bangsa Malaysia: Jilid 5: Negara Bangsa. Selain itu, artikel tulisan Hadijah Johari (2019) yang bertajuk *Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia*. Selain itu, buku yang bertajuk *Rukunegara Selayang Pandang* oleh Eddin Khoo (2020). Juga boleh merujuk kepada artikel yang bertajuk *Rukun Negara Dalam Memperkuuhkan Ketahanan Negara*, hasil tulisan Abdul Rahman Abdul Aziz (2010) dan banyak lagi.

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian rintis ini melibatkan 242 orang responden. Demografi responden adalah seperti berikut;

Jantina

Jadual 1: Taburan Responden Pelajar IPT mengikut Jantina

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	84	34.7
Perempuan	158	65.3
Total	242	100.0

Sumber: Dapatan kajian rintis

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut jantina pelajar IPT di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pelajar IPT dalam kalangan perempuan 65.3 peratus (158) lebih ramai berbanding pelajar IPT lelaki 34.7 peratus (84).

Umur

Jadual 2: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Umur

Perihal	Kekerapan	Peratusan
18-20 tahun	69	28.5
21-22 tahun	130	53.7
23-24 tahun	25	10.3
25-26 tahun	15	6.2
27 tahun dan ke atas	3	1.2
Total	242	100.0

Sumber: Dapatan kajian rintis

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut umur pelajar IPT di seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar IPT adalah dalam kalangan mereka yang berumur 21 hingga 22 tahun 53.7 peratus (130). Jumlah ini lebih ramai berbanding pelajar IPT yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun 28.5 peratus (69), 23 hingga 24 tahun 10.3 peratus (25), dan 25 hingga 26 tahun 6.2 peratus (15). Terakhir sekali yang paling sedikit adalah pelajar IPT yang berumur lebih 27 tahun hanyalah 1.2 peratus (3).

Tahun Pengajian

Jadual 3: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Tahun Pengajian

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Tahun 1	127	52.5
Tahun 2	69	28.5
Tahun 3	18	7.4
Tahun 4	28	11.6
Total	242	100.0

Sumber: Dapatan kajian rintis

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan pelajar IPT di Malaysia mengikut tahun pengajian. Hasil kajian mendapati majoriti 52.5 peratus (127) pelajar dari tahun 1, kemudian diikuti 28.5 peratus (69) pelajar dari tahun 2, 11.6 peratus (28) pelajar dari tahun 4 dan paling sedikit 7.4 peratus (18) pelajar dari tahun 3.

Peringkat Pengajian

Jadual 4: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Peringkat Pengajian

Perihal	Kekerapan	Peratusan
PhD	0	0
Sarjana	0	0
Ijazah Sarjana Muda	207	85.5
Diploma	35	14.5
Sijil	0	0
Total	242	100.0

Sumber: Dapatan kajian rintis

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden pelajar IPT di Malaysia mengikut peringkat pengajian. Hasil kajian mendapati majoriti 85.5 peratus (207) pelajar IPT dari peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Ini kemudian diikuti oleh 14.5 peratus (35) mereka dari peringkat pengajian Diploma. Manakala tiada responden daripada pelajar IPT di peringkat PhD, Sarjana dan Sijil.

Keprihatinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap Prinsip Rukun Negara Sebagai Medium Integrasi daripada Aspek Literasi, Kesedaran dan Keprihatinan

Berkenaan dengan proses penganalisisan data kajian ini, pengkaji telah menganalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai. Keputusan data yang dianalisis ini berfungsi untuk mendapatkan maklumat mengenai keprihatinan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap prinsip Rukun Negara sebagai medium integrasi.

Jadual 5: Ujian Cronbach Alpha bagi Setiap Komponen

Reliability Statistics		
Komponen	Cronbach's Alpha	N of Items
Objektif 1	.745	12
Objektif 2	.847	12
Objektif 3	.841	12

Mengikut Mohd. Majid Konting (2009) tahap $\alpha = .71 - .99$ adalah tahap yang terbaik (71%-99%). Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai kebolehpercayaan item yang diterima adalah pada tahap $\alpha = .70 - .99$. Kubiszyn dan Borich (2000) menentukan nilai $\alpha = .80 - .90$ reliability coefficients yang diterima. Manakala Popham (1990) pula ialah pada tahap $\alpha = .90 - .95$. Hasil keputusan rintis dalam kajian ini, menunjukkan indeks nilai kebolehpercayaan bagi setiap komponen berada di antara $\alpha = .745$ hingga $.847$ (74.5%-84.7%), iaitu mencukupi (Borg & Gall, 1979) dan sangat baik (Vierra & Pollock, 1992).

Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 6: Tahap Persetujuan bagi Skala Likert 5 Mata

Skala Likert	Aras Persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Adaptasi: Robert L. Likert (1977)

Jadual interpretasi data berikut dibuat bagi penetapan tahap untuk mengukur tahap keprihatinan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap prinsip rukun negara sebagai medium integrasi. Ini kerana data kajian dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan 5 skala Likert maka dikira amat sesuai jika interval min daripada analisis deskriptif digunakan bagi mengukur tahap keprihatinan mahasiswa IPT. Nilai min skala lima Likert dibahagi kepada lima mata mengikut tahap seperti berikut:

Jadual 7: Nilai Min Mengikut Skala Lima Likert

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschanne-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, Cronbach's Alpha bagi Objektif Kajian 1 ialah .745 dengan 12 item soalan. Objektif kajian 1 ialah untuk mengenalpasti tahap literasi para pelajar di IPT terhadap intipati Rukun Negara sebagai medium integrasi di Malaysia. Min keseluruhan Objektif kajian 1 ialah 4.31 berada dalam kategori tahap sangat tinggi. Berdasarkan 12 item soalan yang diajukan kepada 242 orang responden, terdapat empat pernyataan yang memperoleh interpretasi min tinggi. Manakala lapan pernyataan lagi memperoleh interpretasi min tahap sangat tinggi.

Pernyataan Islam ialah agama Persekutuan memperoleh min 4.59 berada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden mengetahui tentang kedudukan agama Islam di Malaysia. Prinsip pertama Rukun Negara ialah Kepercayaan kepada Tuhan. Berdasarkan kepada prinsip Kepercayaan kepada Tuhan menjelaskan bahawa semua rakyat Malaysia harus mengakui Tuhan melebihi kuasa yang lain. Islam yang dipilih sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia telah menjadi rujukan dan panduan keseluruhan umat manusia (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020). Peruntukan Perlembagaan tentang agama Islam merupakan satu unsur tradisi dan perkembangan sejarahnya adalah sebahagian daripada perkembangan sejarah konsep pemerintahan beraja.

Peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Malaysia mengisyiharkan bahawa "Islam ialah agama bagi Persekutuan". Ini menjelaskan bahawa apa yang dipertahankan oleh orang Melayu sepanjang masa malah sebelum kuasa British masuk ke Malaysia. Ketika pentadbiran penjajah British, orang British membawa masuk agama Kritian dan kaum pendatang lain membawa masuk agama Hindu dan Buddha. Apabila agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan turut memberikan pertimbangan kepada kepercayaan lain. Oleh itu, Perkara 3

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan suatu fasal imbang yang menyebut “tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan” (Mohd Salleh Abas, 2006).

Manakala pernyataan kesopanan dan kesusilaan dapat dilihat pada tingkah laku dan tutur kata seseorang memperoleh min 4.60 iaitu tahap interpretasi min yang sangat tinggi. Prinsip kelima Rukun Negara ialah Kesopanan dan Kesusilaan. Ini bermakna rakyat Malaysia haruslah bertolak ansur, bertimbang rasa dan berkelakuan baik. Pengalaman prinsip Kesopanan dan Kesusilaan ini boleh membawa kepada perhubungan yang harmoni dalam masyarakat Malaysia. Rakyat yang bersopan santun dan bertatasila dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu. Prinsip ini sangat penting untuk mewujudkan masyarakat yang menghormati dan menghargai kepentingan kaum lain. Ini bersesuaian dengan Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk di mana rakyat harus saling menghormati dan bertoleransi (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020).

Seterusnya, pernyataan Perlembagaan Malaysia digubal berdasarkan kesepakatan semua kaum memperoleh min 3.98 dengan interpretasi min tahap tinggi. Perlembagaan merupakan kodifikasi persetujuan, tolak ansur khususnya apabila wujud pelbagai golongan, kaum dan agama dalam negara seperti Malaysia. Kewujudan Perlembagaan muhu mengelakkan berulangnya sejarah hitam dalam pengalaman sesebuah negara, ada perkara tertentu yang dilarang daripada diulangi atau diwujudkan kembali dalam negara yang baharu. Perlembagaan menjadi dokumen yang memperincikan hak dan tanggungjawab sesuatu golongan. Untuk itu, Perlembagaan menjadi dokumen yang ciri undang-undangnya lebih menonjol. Tidak hanya sahaja relevan dalam soal individu malah turut relevan dalam hubungan antara wilayah. Bagi negara-negara persekutuan, ini amat penting untuk setiap wilayah mempunyai hak dan batasan. Begitu juga dengan kerajaan yang berada pada peringkat pusat (Abdul Aziz Bari, 2008).

Pernyataan berikutnya ialah Rukun Negara diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara mendapat min 3.86 dengan interpretasi min tahap tinggi. Rukun Negara wujud setelah berbincang serta mengkaji sedalam-dalamnya selama beberapa bulan, Majlis Perundangan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Anggota-anggota Majlis Perundingan Negara terdiri daripada seorang Penggerusi (Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein merangkap Pengarah MAGERAN), tiga orang menteri (Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan mendiang Tun V.T Sambanthan), wakil-wakil Kerajaan Negeri dan wakil-wakil daripada tokoh-tokoh agama, badan-badan profesional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru-guru dan wakil-wakil kumpulan kecil (Raduan Thambi, 2013).

Bagi Objektif Kajian 2 pula memperoleh .847 Cronbach's Alpha. Min keseluruhan 4.32 berada tahap sangat tinggi. Objektif kajian kedua ialah untuk mengkaji tahap kesedaran para pelajar IPT tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Berdasarkan 12 item soalan, hanya tiga item mendapat interpretasi min tahap tinggi. Tiga pernyataan tersebut ialah Rukun Negara merupakan idealogi nasional yang memperoleh min 4.18 dengan interpretasi min tahap tinggi. Juga mendapat interpretasi min tahap tinggi iaitu 4.13 pada pernyataan kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara. Begitu juga dengan pernyataan Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan yang memperoleh min 3.86

dengan tahap interpretasi tinggi.

Manakala sembilan item lagi memperoleh interpretasi min tahap sangat tinggi. Pernyataan ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang mendapat min 4.55 adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa agama sangat penting kepada seseorang individu dalam membentuk akhlak dan mendorong tingkah laku yang baik. Dapatan ini menjelaskan bahawa agama ialah keperluan asasi setiap manusia. Oleh itu, tiada sebuah masyarakat di dunia ini yang tidak mempunyai agama.

Kepercayaan kepada agama merupakan sifat sejagat bagi seluruh manusia sama ada manusia moden ataupun primitif. Agama mempunyai fungsi tertentu dalam kehidupan peribadi mahupun sosial. Agama dapat menimbulkan keberanian kepada manusia ketika dicengkam ketakutan, memberikan kegigihan dalam kesukaran, kekuatan pada saat-saat manusia dalam keadaan lemah, dan meringankan beban jiwa dalam menghadapi kekecewaan. Agama dapat memberi harga diri dalam menelan kekalahan, kerendahan hati apabila sedang berjaya dan juga kepekaan hati nurani. Agama berperanan menjadi kod etika dan aturan moral yang dinamik dan menjadi pedoman bagi penganutnya dalam mengatur kehidupan spiritual supaya lebih bermakna (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

Seterusnya, pernyataan Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum mendapat min 4.27 dengan interpretasi min tahap sangat tinggi. Rukun Negara diwujudkan untuk membentuk satu negara Malaysia yang bersatu padu, adil, saksama dan maju dari segi sosial serta ekonomi. Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur menjadi titik tolak kepada dasar pentadbiran negara. Banyak perubahan telah dilakukan dalam menyusun semula masyarakat terutamanya yang melibatkan kaum Melayu di bandar mahupun di luar bandar. Perpaduan nasional, toleransi antara kaum, usaha menghapuskan jurang perkauman dan seumpamanya menjadi agenda utama rakyat serta kerajaan menjadi agenda utama kerajaan. Semua pihak menyedari bahawa perbezaan sosial dan ekonomi memang wujud dalam kalangan rakyat dan menjadi masalah utama rakyat Malaysia pada waktu itu sehingga sekarang (Abdul Rahman Ibrahim, 2015).

Objektif kajian ketiga ialah menganalisis keprihatinan para pelajar di IPT dalam memastikan prinsip Rukun Negara terus relevan sebagai medium pembinaan bangsa di Malaysia. Ujian Cronbach's Alpha bagi objektif ini memperoleh .841. Dapatan kajian bagi objektif kajian tiga ini memperoleh keseluruhan min 4.25 iaitu tahap sangat tinggi. Berdasarkan kepada 12 item soalan, tujuh soalan mendapat interpretasi min sangat tinggi. Manakala lima item lagi mendapat interpretasi min tinggi.

Pernyataan warganegara Malaysia hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara adalah interpretasi min tahap sangat tinggi (min 4.59). Prinsip kedua Rukun Negara ialah Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kesetiaan yang dikehendaki daripada setiap warganegara ialah menumpukan sepenuh-penuh taat setia yang benar jujur kepada Yang di-Pertuan Agong. Selain itu, mereka yang menjadi rakyat Raja-Raja hendaklah juga menumpukan taat setia kepada Raja masing-masing tetapi dengan tidak mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan Persekutuan. Kesetiaan ialah jiwa kebangsaan warga Malaysia. Kesetiaan dari hati sanubari kepada Raja dan tanah air inilah yang menyatukan rakyat Malaysia pelbagai kaum menjadi satu bangsa bersatupadu (Eddin Khoo, 2020). Ini berkaitan dengan pernyataan rakyat Malaysia tidak boleh memberi taat setia kepada negara lain

Berikutnya ialah pernyataan kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan menyinggung perasaan golongan lain. Item ini memperoleh min 4.49 iaitu interpretasi tahap sangat tinggi. Kesopanan dan kesusilaan adalah Rukun Negara yang kelima. harus memainkan peranan bagi mempraktikkan nilai kesopanan dan kesusilaan ini. Masyarakat harus sedar akan kewujudan undang-undang bagi mengawal permusuhan sesama rakyat seperti Akta Hasutan 1948, yang menjadikan ucapan mempunyai kecenderungan menghasut sebagai suatu jenayah.

Pengamalan nilai kesopanan ini merupakan suatu ukuran kemajuan dan ketamadunan negara. Hal ini bertepatan dengan konsep tamadun oleh Syed Naquib Al-Attas, iaitu keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat. Konsep tamadun ini berbeza dengan konsep tamadun Barat yang hanya menekankan aspek kemodenan fizikal, infrastruktur dan ekonomi sebagai kayu ukur ketamadunan masyarakat. Ketiadaan nilai kesopanan membuatkan rakyat hilang etika dan integriti seterusnya membentuk masyarakat yang tidak lagi peka akan kesejahteraan awam. nilai kesopanan dan kesusilaan merupakan asas kepada pembinaan negara yang harmoni serta masyarakat yang sejahtera. Nilai ini perlulah dipupuk dan diamalkan bagi menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan nilai dan budaya setempat (Mohd Nizam Sahad dan Syaqiq al-Azdi, 2021)

Seterusnya, pernyataan Kedaulatan undang-undang terjamin dengan adanya sebuah badan kehakiman yang bebas memperoleh min 3.72 iaitu tahap interpretasi min tinggi. Kedaulatan undang-undang ialah prinsip keempat Rukun Negara. Untuk menubuhkan satu sistem kehakiman yang bebas maka Perlembagaan Malaysia telah membuat peruntukan tentang jawatan dan gaji hakim. Kehakiman adalah badan ketiga di bawah doktrin perasingan kuasa yang dibuat oleh Mountesquieu. Bagi menubuhkan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada Parlimen yang juga terletak di bawah undang-undang, maka amatlah mustahak diwujudkan satu sistem kehakiman yang bebas daripada gangguan politik. Ini memberi kebebasan kepada hakim-hakim untuk mencari keadilan (Mohd Salleh Abas, 2006).

Undang-undang negara dijamin pula oleh institusi kehakiman yang bebas dan berwibawa. Setiap negara memerlukan undang-undang untuk mengawal dan mewujudkan satu masyarakat yang aman, stabil dan makmur. Menerusi kewujudan undang-undang juga, ianya akan menjamin kehidupan anggota masyarakat agar dapat hidup dalam suasana yang teratur dan selamat tanpa sebarang bentuk kekacauan (Fahezah Nor Mohamed, 2018).

Seterusnya, pernyataan Perlembagaan Persekutuan adalah kontrak sosial yang tidak boleh dipersoalkan memperoleh min 4.07 dengan nilai interpretasi min tahap tinggi. Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah digubal berdasarkan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini. Perlembagaan menjadi sumber rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi rakyat. Untuk itu, setiap warganegara Malaysia dikehendaki menghormati, menghargai, memahami maksud dan kandungan serta latar belakang sejarah. Ini selarasnya dengan prinsip Rukun Negara yang keempat iaitu Keluhuran Perlembagaan. Prinsip ini berfungsi untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat negara ini akan hak dan keistimewaan mereka sebagai warganegara (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2018).

6.0 PENUTUP

Kesimpulannya ialah keprihatinan mahasiswa terhadap Rukun Negara sebagai medium perpaduan pada tahap sangat tinggi. Ini terbukti daripada dapatan kajian rintis dengan jumlah 242 orang responden menunjukkan bahawa keprihatinan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia berada pada tahap interpretasi min sangat tinggi iaitu dengan min 4.29. Dengan dapatan kajian rintis yang berada tahap interpretasi min yang sangat tinggi pada ketiga-tiga objektif kajian menjelaskan bahawa tahap literasi mahasiswa terhadap Rukun Negara sangat baik. Begitu juga tahap kesedaran mahasiswa terhadap Rukun Negara sebagai medium kebersamaan rakyat Malaysia. Malah mahasiswa juga prihatin dengan kerelevan Rukun Negara yang boleh terus berfungsi sebagai salah satu platform pembinaan bangsa di Malaysia tanpa mengira perbezaan warna kulit, kaum dan agama. Langkah-langkah pemeriksaan prinsip Rukun Negara harus dipertingkat supaya penghayatan dan pemahaman masyarakat majmuk di Malaysia terus meningkat. Bukan hanya para pelajar sekolah atau mahasiswa pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi sahaja tetapi seluruh peringkat masyarakat majmuk di Malaysia perlu mendokong matlamat prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

7.0 PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS (GPIK) Tahun 2020/2021 (Kod Penyelidikan KUIS/2020/GPIK-16/GPI/14) yang bertajuk “Keprihatinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia Terhadap Prinsip Rukun Negara Sebagai Medium Integrasi. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). Rukun Negara dalam Memperkuatkannya Ketahanan Negara *In Seminar on National Resilience, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok*, pp. 443-457.
- Abdul Rahman Ibrahim. (2015). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, etl., (2014). “Rukun Negara, Peranan, Penghayatan dan Cabaran Dalam Perpaduan di Malaysia” dlm. *Membina Bangsa Malaysia. Jilid 5. Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. (2020). *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2018. *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Borg, W. R., & Gall, M. (1979). *Educational Research: An Introduction* (3rd ed.). New York: Longman.
- Eddin Khoo. (2020). *Rukun Negara: Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: Kala Publishers Sdn. Bhd.
- Fahezah Nor Mohamed, (2018). “Disebalik Makna Prinsip Rukun Negara”, Laman Portal, Fakulti Pertanian UPM.

[https://agri.upm.edu.my/artikel/disebalik_makna_prinsip_rukun_negara-43449.](https://agri.upm.edu.my/artikel/disebalik_makna_prinsip_rukun_negara-43449)

Dirujuk pada 20 Ogos 2021.

Fraenkel, J. R, and Wallen, N. E., (1996). *How to Design and Evaluate research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc.

Hadijah Johari. (2019). “Persepsi Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia” e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, 24-25 April 2019, Kolej Universiti Islam Antara bangsa Selangor.

Kubiszyn, T., and Borich, G., (2000). *Educational Testing and Measurement: Classroom Application and Practice*. Sixth Edition. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Lee Yok Fee1 & Sarjit S. Gill. (2008). *Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentar*. Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 16(1): 107-113 (2008).

Mohd Nizam Sahad dan Syaqiq al-Azdi, (2021). Kesopanan dan Kesusilaan Nadi Keharmonian

<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1987553>

Mohd Salleh Abas. (2006). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Popham, W. J. (1990). *Modern Educational Measurement: A Practitioner's Perspective*. Needham Heights, MA :Allyn and Bacon.

Raduan Tambi. (2013). *Rukun Negara*. Bahagian Penerbitan Dasar Negara. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Budaya.

Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication Volume 3 (Special Issue)*, 2014 [67-79].

Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585

Vierra, A., & Pollock, J. (1992). *Reading Education Research*. Scottsdale: Gorsuch Sewishirch.